

22/01/1997

Arab Saudi tidak kurang kuota haji

KUALA LUMPUR, Selasa - Kerajaan Arab Saudi tidak berhasrat mengurangkan kuota jemaah haji musim ini walaupun menghadapi masalah untuk mengatasi kesesakan, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman.

Beliau berkata, Arab Saudi masih mampu menangani seluruh jemaah pada satu-satu musim jika kuota 0.01 peratus daripada jumlah penduduk sesebuah negara yang dibenarkan mengerjakan haji dikekalkan.

"Setakat ini, tiada niat dan suara daripada Arab Saudi untuk mengurangkan kuota itu. Jika kuota itu dikekalkan, negara itu boleh menangani masalah itu," katanya ketika ditemui di pejabatnya di sini, hari ini.

Beliau ditanya kemungkinan Arab Saudi mengurangkan kuota yang dibenarkan sebelum ini berikutan kesesakan yang wujud setiap tahun apabila hampir tiga juta umat Islam membanjiri Makkah untuk mengerjakan haji.

Awal bulan ini, Menteri Hal Ehwal Haji Arab Saudi, Dr Mahmud Muhammad Safar, membawa perutusan khas Raja Fahd untuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, meminta bantuan Malaysia menyedarkan umat Islam seluruh dunia mengenai masalah itu.

Arab Saudi meminta Malaysia memberi penjelasan kepada umat Islam mengenai kesukaran mengerjakan ibadat haji dalam keadaan yang sesak apabila bilangan jemaah terlalu ramai.

Kira-kira empat juta jemaah dijangka ke Makkah musim haji tahun ini dan jumlah itu meningkat kepada enam juta orang menjelang 2000.

Dr Abdul Hamid berkata, menerusi seminar dan forum khususnya membabitkan negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Malaysia akan memberi penjelasan dari segi hukum Islam berhubung perkara itu.

(END)